

2 JAN 1996

Mahathir - Pelabuhan

GUNA PELABUHAN KLANG SEPENUHNYA, MAHATHIR KEPADA PENGIMPORT DAN PENGEKSSPORT

PELABUHAN KLANG, 2 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa semua pengimport dan pengeksport Malaysia menggunakan sepenuhnya Pelabuhan Klang dalam usaha mengurangkan defisit dalam imbalan bayaran negara.

Perdana Menteri berkata kerajaan ingin melihat Pelabuhan Klang mengendali semua import dan eksport negara ini.

Sambil menarik perhatian kemungkinan Malaysia tidak dapat melaksanakannya 100 peratus, katanya negara seharusnya berusaha untuk mencapai matlamat itu.

"Keadaan bertambah penting kini kerana defisit dalam imbalan bayaran terus meningkat dan salah satu penyumbang kepada defisit itu ialah dagangan tidak ketara bertambah kerana negara luar dan bukannya kerana Malaysia," katanya.

Semasa bercakap melancarkan Perkhidmatan Terus Antara Pasifik syarikat Orient Overseas Container Line (OOCL) dari Pelabuhan Klang ke pantai barat Amerika Syarikat di sini, katanya, penghantaran dan insurans adalah antara item yang menyumbang kepada defisit dalam imbalan bayaran.

"Adalah munasabah untuk kita menggunakan pelabuhan-pelabuhan kita sendiri, jika boleh kapal-kapal dan syarikat-syarikat insurans kita sendiri," katanya, dan menambah kata bahawa syarikat yang mengeksport dan mengimport dari Malaysia hendaklah mengambil berat bagaimana barangan mereka dieksport ataupun bagaimana mereka menerimanya.

Dr Mahathir secara berseloroh berkata kerajaan akan "menggunakan sedikit paksaan" bagi memastikan orang ramai menghantar barangan mereka menerusi Pelabuhan Klang dan menerima barangan yang diturunkan di pelabuhan itu.

Katanya rakyat Malaysia tidak begitu mengambil kira bagaimana barangan mereka dieksport atau diimport meninggalkan atau tiba di negara ini.

"Mereka hanya menyerahkannya kepada agen pengendalian yang kemudian menghantar kebanyakan barangan itu ke negara jiran dan akibatnya kita hanya menjadi pelabuhan sampingan," katanya.

Bagi memastikannya menjadi lebih menarik, katanya, kerajaan memutuskan untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebuah pelabuhan bebas cukai bagi membolehkannya menerima barangan dan kemudian dieksport semula tanpa dikenakan cukai jika barangan itu tidak melepasi sekatan kastam.

"Ini bagi membolehkan pengimportan barangan pukal untuk dibungkus semula dan dieksport semula ke tempat lain," katanya sambil menarik perhatian bahawa masih banyak perkara diperlukan bagi memastikan Pelabuhan Klang dapat berkhidmat untuk pelbagai tugas yang sepatutnya dilakukan.

Perdana Menteri sukacita kerana sambutan menggalakkan daripada syarikat-syarikat perkapalan, termasuk OOCL yang bersedia membawa kapal kontena besar "OOCL California" ke Pelabuhan Klang, sebagai menyahut usaha kerajaan Malaysia untuk meningkatkan penggunaan pelabuhan ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan berhasrat untuk memastikan terdapat jumlah barangan yang besar bagi membolehkan kapal-kapal besar singgah di sini.

"Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan barangan Malaysia menghala ke Pelabuhan Klang supaya terdapat sejumlah barangan dan kontena untuk dimuatkan ke dalam kapal-kapal besar agar persinggahan mereka di sini lebih bermakna," katanya.

Katanya kerajaan akan mengkaji bagaimana pelabuhan ini dikendalikan dan bagaimana kos dapat dikurangkan. Untuk itu kerajaan mengalu-alukan sebarang

aduan dan cadangan daripada pengguna pelabuhan kerana dasar kerajaan Malaysia ialah ia terbuka kepada sebarang cadangan.

"Jika Malaysia berkembang pesat sejak kebelakangan ini ia adalah kerana dasar kita untuk mendengar pandangan dan aduan orang ramai," katanya, dan menambah kata bahawa maklumbalas amat penting untuk membaiki dan meningkatkan perkhidmatan.

Menurut Perdana Menteri, Pelabuhan Klang bermula sebagai Port Swettenham, sebuah pelabuhan kecil bukan untuk menerima kapal yang belayar terus ke benua-benua, sebaliknya sebagai pelabuhan sampingan.

Perdana Menteri berkata dasar kerajaan Britain pada masa itu lebih kepada membangunkan Singapura dan ekoran dasar itu segalanya dilaksanakan memastikan Pelabuhan Klang tidak berkembang.

Contohnya, kadar penghantaran untuk membawa barang dari Kuala Lumpur ke Port Swettenham ketika itu adalah lebih tinggi berbanding membawa barang dari Kuala Lumpur ke Singapura.

"Ia salah satu keputusan yang dibuat semasa kerajaan British. Satu lagi dasar ialah memusnahkan Melaka untuk membangunkan Pulau Pinang. Keputusan-keputusan itu dibuat di luar kuasa kita ketika itu.

"Selepas bertahun-tahun merdeka, kini menjadi hasrat kita untuk memajukan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama negara ini dan pada tahun-tahun akan datang sebagai yang terkemuka di rantau ini," katanya.

OOCL ialah antara pengendali kontena terbesar di dunia menyediakan perkhidmatan pengangkutan berkomputer sepenuhnya untuk para pelanggannya.

OOCL California adalah antara lapan kapal kontena syarikat itu yang mempunyai muatan 4960 TEU dan menyediakan persinggahan terus antara Malaysia dan pantai barat Amerika Syarikat.

Dr Mahathir yang diiringi Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib dan pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang Datuk Micheal Chen kemudian dibawa melawat kapal itu oleh naib presiden Orient Overseas International Limited, syarikat induk OOCL, Encik C.C Tung. -- Bernama